

18 NOV 1997

Anwar-Penjaja

PIHAK BERKUASA TEMPATAN DIARAH SEDIA LEBIH BANYAK TEMPAT MENJAJA

KUALA LUMPUR, 18 Nov (bernama) -- Kerajaan mengarahkan semua pihak berkuasa tempatan menyediakan lebih banyak tempat menjaja di samping mempunyai dasar serta program yang tersusun mengenainya.

Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata kawasan menjaja yang mencukupi amat diperlukan kerana ia bukan sahaja memberi peluang pekerjaan kepada orang ramai malah membolehkan rakyat menikmati makanan dan minuman dengan harga yang murah.

"Kita mahu setiap majlis perbandaran bermula dengan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) menyediakan lebih banyak kawasan untuk penjaja," katanya pada majlis jamuan perpaduan sempena Hari Penjaja Nasional di sini malam ini.

Anwar, bagaimanapun, menegaskan bahawa kerajaan tidak berhasrat untuk memaksa pihak berkuasa tempatan menurunkan sewa tapak atau premis perniagaan yang dikenakan kepada penjaja.

"Sewa tidak akan turun cuma kita harap ia jangan dinaikkan, kalau dinaikkan pun biarlah berpatutan," katanya.

Anwar berkata beliau juga akan meminta syarikat yang menguruskan pembersihan dan pengurusan sampah, Alam Flora Sdn Bhd supaya mengurangkan caj perkhidmatan yang dikenakan kepada para penjaja.

"Datuk Bandar Tan Sri Kamaruzzaman Shariff sendiri setuju untuk mengadakan perundingan bagi tujuan menurunkan caj yang dikenakan Alam Flora," kata beliau.

Anwar menyeru penjaja supaya menyedari peranan mereka untuk membantu kerajaan menangani masalah kenaikan harga barangan terutama ketika negara menghadapi kemelut ekonomi dewasa ini.

Menurut beliau, penjaja dapat membantu mengurangkan kenaikan harga kerana mereka menyediakan alternatif kepada orang ramai untuk mendapatkan makanan pada harga yang lebih murah.

"Pada malam ini, marilah kita beri peluang kepada rakyat untuk turut memahami peranan penjaja...beri sokongan kepada penjaja kerana harga yang mereka kenakan murah dan kita tak payah komplek banyak," katanya.

Beliau yang mengambil makanan segera kegemaran ramai "burger" sebagai contoh berkata: "Kalau di hotel kita kena bayar RM8 untuk sebiji burger, di kedai (restoran makanan segera) pula RM5, tetapi saya diberitahu di gerai penjaja kita hanya perlu bayar RM1 sahaja."

Ucapan Anwar yang mencuit hati tetamu kerana diselang-selikan dengan beberapa ayat dalam bahasa Mandarin turut menyentuh mengenai tanggungjawab penjaja terutamanya dalam soal kebersihan dan kerjasama kepada pihak berkuasa tempatan.

"Jika mahu perniagaan yang baik, tempat perniagaan juga mesti baik (bersih)," katanya dalam bahasa Mandarin yang mendapat tepukan gemuruh para hadirin.

Beliau mengingatkan penjaja supaya meningkatkan tahap kebersihan di premis perniagaan masing-masing kerana Kuala Lumpur akan menjadi tuan rumah Sukan Komanwel tahun depan.

Mengenai ikrar sokongan tidak berbelah-bahagi masyarakat penjaja kepada kepimpinan negara, Anwar berkata ia satu petunjuk bahawa rakyat di negara ini bersatu-padu dalam menghadapi ancaman dari luar.

"Sokongan penjaja amat dihargai...kita yang patut putusnkan siapa pemimpin kita dan dengan siapa kita (Malaysia) ingin berniaga," katanya merujuk kepada draf usul oleh 34 anggota kongres Amerika Syarikat (AS) yang

meminta Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad meminta maaf atau meletak jawatan kerana didakwa membuat kenyataan anti-Yahudi dan penyasatan pegawai AS terhadap Petronas.

Selepas berucap, Anwar menerima buku mengandungi tandatangan lebih 10,000 penjaja seluruh negara sebagai tanda menyokong kepimpinan Dr Mahathir dan Anwar dalam menghadapi krisis ekonomi yang sedang melanda dan menentang campurtangan pihak AS.

Anggota Parlimen Bukit Bintang Dr Lee Chong Meng yang juga pengerusi majlis menyampaikan buku tandatangan itu bagi pihak Gabungan Persatuan Penjaja dan Peniaga Kecil Malaysia. -- BERNAMA

HJ FAZ